

Akaun Pelaburan Berjangka (TIA-i): Kempen Melabur dan Berpeluang Untuk Menang ([English Version](#))

Kemas kini terakhir pada 19 Mac 2025 untuk berkuatkuasa 21 Mac 2025

TEMPOH KEMPEN

Hong Leong Islamic Bank Berhad ("HLISB" atau "Bank") "Akaun Pelaburan Berjangka-i (TIA-i): Kempen Melabur dan Berpeluang Untuk Menang" ("Kempen") bermula pada 1 November 2024 dan berakhir pada 30 April 2025, termasuk kedua-dua tarikh, atau sebaik sahaja mencapai sasaran kempen yang ditetapkan, mengikut mana yang terdahulu ("Tempoh Kempen"), melainkan diberitahu sebaliknya

TERMA & SYARAT:

Terma dan syarat Kempen adalah seperti berikut ("T&S"):

KELAYAKAN

1. Kempen ini terbuka kepada individu atau pemilik tunggal baharu dan sedia ada ("Pelabur") yang merupakan pemegang akaun utama Akaun Semasa atau Akaun Simpanan-i HLISB ("CASA-i") / Akaun Semasa atau Akaun Simpanan ("CASA") Hong Leong Bank Berhad ("HLB").
2. Pemegang akaun bersama CASA-i / CASA tidak dibenarkan membuka/mengendalikan TIA-i dan menyertai Kempen ini.
3. Kempen ini hanyalah untuk langganan TIA-i baharu yang dibuat semasa Tempoh Kempen. Pelabur yang memperbaharui pelaburan yang sedia ada semasa Tempoh Kempen tidak layak untuk menyertai Kempen melainkan Pelabur menebus pelaburan tersebut dan membuat langganan baharu.

KADAR INDIKATIF PROMOSI BAGI TIA-i & LANGGANAN

4. Pelabur yang telah melanggan TIA-i dengan amaun antara Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000) dan Ringgit Malaysia Lima Juta (RM5,000,000) semasa Tempoh Kempen berhak menikmati Kadar Indikatif Promosi mengikut promosi semasa yang disiarkan di Jadual 1 dibawah.

Cawangan HLB/HLISB

Tempoh Efektif Kadar Promosi Indikatif	Tempoh Pelaburan	Kadar Perkongsian Keuntungan (PSR) Pelanggan: Bank	Kadar Promosi Indikatif	Amaun Langganan Minimum dalam TIA-i	Amaun Langganan Maksimum dalam TIA-i
5 Mac 2025 – 8 April 2025	3 bulan	85:15	3.70% setahun*	RM 1,000	RM 5,000,000
	6 bulan	85:15	3.80% setahun*		
	12 bulan	85:15	3.85% setahun*		

*Kadar Promosi Indikatif mungkin disemak semula mengikut budi bicara Bank

HLB Connect Online

Tempoh Efektif Kadar Promosi Indikatif	Tempoh Pelaburan	Kadar Perkongsian Keuntungan (PSR) Pelanggan: Bank	Kadar Promosi Indikatif	Amaun Langganan Minimum dalam TIA-i	Amaun Langganan Maksimum dalam TIA-i
21 Mac 2025 – 8 April 2025	3 bulan	85:15	3.70% setahun*	RM 1,000	RM 5,000,000
	6 bulan	85:15	3.90% setahun*		
	12 bulan	85:15	3.85% setahun*		

*Kadar Promosi Indikatif mungkin disemak semula mengikut budi bicara Bank

KAEDAH KEMPEN

- Pelabur yang melabur untuk tempoh 6 bulan dalam gandaan Ringgit Malaysia Tiga Puluh Ribu (RM30,000) bagi setiap nombor resit, secara tidak kumulatif semasa Tempoh Kempen akan layak untuk satu (1) penyertaan ke dalam cabutan hadiah ("**Pelabur Layak**"). Ilustrasi seperti dalam Jadual 1:

Jadual 1

Jumlah Pelaburan Setiap Resit	Jumlah Penyertaan Diperolehi
RM30,000	1
RM65,000	2
RM100,000	3
RM 150,000	5

- Tiada had dikenakan ke atas bilangan penyertaan yang dibuat semasa Tempoh Kempen. Bagaimanapun, setiap Pelabur Layak hanya boleh memenangi satu (1) hadiah sahaja setiap bulan.

HADIAH KEMPEN

- Pelabur Layak yang memenuhi kriteria yang dinyatakan dalam Klausa 5 akan memperolehi dan mengumpul penyertaan untuk peluang memenangi Hadiah Kempen (seperti yang dinyatakan dalam Jadual 2 di bawah) dengan menyertai Cabutan Bulanan.
- Hadiah Kempen untuk Cabutan Bulanan adalah seperti Jadual 2 berikut:

Jadual 2

Hadiah Kempen	Jumlah Pemenang Bulanan
iPhone 16 Plus 256GB	1
Apple Homepod Mini	3
RM100 Pulangan Tunai	30

9. Penyertaan yang diperolehi dan terkumpul akan berdasarkan kepada tempoh pelaburan bulanan seperti yang dinyatakan dalam Jadual 3 di bawah:

Jadual 3

Bulan	Tempoh Pelaburan Bulanan	Jumlah Pemenang Bulanan Keseluruhan	Tarikh Pemberitahuan Pemenang
1	1 November 2024 – 30 November 2024	34	Dalam tempoh 30 hari bekerja selepas tarikh terakhir setiap kitaran
2	1 Disember 2024 – 31 Disember 2024	34	
3	1 Januari 2025 – 31 Januari 2025	34	
4	1 Februari 2025 – 28 Februari 2025	34	
5	1 Mac 2025 – 31 Mac 2025	34	
6	1 April 2025 – 30 April 2025	34	

PEMILIHAN PEMENANG DAN PEMENUHAN HADIAH

10. Proses pemilihan pemenang adalah seperti berikut:
- Pada akhir setiap Tempoh Pelaburan Bulanan seperti yang dinyatakan dalam Jadual 3, setiap penyertaan yang diperolehi oleh Pelabur Layak akan diberikan nombor rawak dan diletakkan dalam himpunan pemilihan Hadiah Kempen.
 - Sebanyak Lima Ratus (500) nombor untuk Cabutan Bulanan kemudiannya akan dipilih secara rawak daripada himpunan pemilihan Hadiah Kempen ("**Pelabur Tersenarai**").
 - Pelabur Tersenarai akan dihubungi oleh Bank melalui Khidmat Pesanan Ringkas ("**SMS**") dan diberikan soalan berkaitan Bank dan/atau Kempen ("**Peraduan**"). Pelabur Tersenarai dikehendaki membalas SMS tersebut dengan jawapan yang betul dalam masa terpantas.
 - Tiga puluh empat (34) Pelabur Tersenarai pertama yang menjawab SMS dengan jawapan yang betul dalam format yang betul dan dalam masa yang terpantas seperti yang dinyatakan dalam SMS yang dihantar oleh HLISB atau XOX Technologies Berhad (482772-D) ("**XOX Technologies**") akan berhak menerima Hadiah Kempen ("**Pemenang**").
 - Hadiah Kempen seperti yang tertera Jadual 4 di bawah akan diberikan kepada Pemenang mengikut urutan Pelabur Tersenarai yang membalas SMS dengan jawapan yang betul dalam masa terpantas seperti berikut:

Jadual 4

Peringkat	Hadiah Kempen	Urutan
Hadiah Utama	iPhone 16 Plus 256GB	Responden pertama
Hadiah ke-2	Apple Homepod Mini	Responden ke-2 hingga ke-4
Sagu Hati	RM100 Pulangan Tunai	Responden ke-5 hingga ke-34

11. Untuk mengelakkan keraguan, SMS yang dihantar kepada Pelabur Tersenarai akan berpandukan nombor telefon bimbit terkini yang terdapat dalam sistem dan/atau rekod Bank. Perkhidmatan SMS untuk Kempen disediakan oleh XOX Technologies, iaitu vendor SMS yang dilantik secara rasmi oleh Bank. HLISB tidak dipertanggungjawab/bertanggungjawab sekiranya HLISB tidak dapat menghantar/menyerahkan SMS disebabkan oleh nombor telefon yang tidak tepat/tidak sah yang diberikan oleh Pelabur atau atas apa jua sebab sekalipun.

12. Kelayakan Pelabur Tersenarai akan terlucut sekiranya Pelabur Tersenarai tidak menjawab soalan dengan betul dan/atau tidak menjawab soalan yang dihantar oleh HLISB atau XOX Technologies menerusi SMS dalam tempoh satu (1) hari.
13. HLISB tidak boleh dipertanggungjawabkan ataupun bertanggungjawab atas kegagalan atau kelewatan penghantaran atau penerimaan apa-apa SMS kepada atau daripada mana-mana pihak penyedia perkhidmatan telekomunikasi yang mungkin menyebabkan Pelabur Tersenarai dilucutkan kelayakan daripada menyertai Peraduan.
14. Pemenang akan diberitahu oleh HLISB menerusi SMS atau apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh Bank ("**Pemberitahuan Pemenang**") atas dasar usaha terbaik berpandukan nombor telefon bimbit atau alamat terkini sepertimana yang terdapat dan tercatat dalam sistem dan/atau rekod HLISB pada Tarikh Pemberitahuan Pemenang seperti yang dinyatakan dalam Jadual 3. Adalah menjadi tanggungjawab Pelabur untuk memberikan nombor telefon dan alamat terkini yang betul kepada HLISB.
15. Pemenuhan Hadiah Kempen adalah dalam tempoh tiga puluh (30) hari bekerja dari Tarikh Pemberitahuan Pemenang.
16. TIA-i dan CASA-i / CASA Pemenang mestilah kekal aktif dan sah, dan tidak melanggar mana-mana terma dan syarat T&S ini dan/atau Terma dan Syarat Akaun Pelaburan Berjangka-i (TIA-i), Terma dan Syarat Am Akaun, Terma dan Syarat berkaitan dengan CASA-i / CASA dan Terma & Syarat Penggunaan HLB Connect (secara kolektif "**Terma dan Syarat Dikenakan**"). Jika tidak, Hadiah Kempen akan dilucutkan hak menurut budi bicara HLISB. Jika berlaku pelucutan hak, tiada pemilihan penggantian akan dilakukan.
17. Pemenang bertanggungjawab untuk menghubungi Bank mengenai ketidakterimaan Hadiah Kempen dalam masa enam puluh (60) hari bekerja dari Tarikh Pemberitahuan Pemenang. Jika tidak, Pemenang akan dianggap telah menerima Hadiah Kempen dan sebarang tuntutan Hadiah Kempen selepas itu tidak akan dilayan.
18. Hadiah Kempen tidak boleh ditukar atau dipindah milik. Hadiah Kempen akan diberi atas dasar 'sebagaimana ada' sahaja. HLISB berhak menggantikan Hadiah Kempen dengan apa-apa barangan lain yang sama nilai mengikut budi bicaranya disebabkan oleh ketiadaan Hadiah Kempen tersebut atau keadaan yang tidak diduga dan sebagainya. Sebarang permintaan pembatalan dan/atau bayaran balik sebaik sahaja menebus Hadiah Kempen adalah tidak dibenarkan.
19. Bank tidak memberikan sebarang representasi atau jaminan berkenaan dengan kualiti Hadiah Kempen dan tidak akan bertanggungjawab untuk menggantikan mana-mana Hadiah Kempen yang hilang, dicuri atau rosak
20. Semua kos pengangkutan, kos peribadi dan/atau sebarang kos lain, fi dan/atau perbelanjaan berkaitan yang dengan penyertaan dalam Kempen ini dan/atau penebusan Hadiah Kempen adalah menjadi tanggungjawab pemenang sepenuhnya.
21. Pemenang hendaklah memikul tanggungan dan kewajipan sepenuhnya seandainya berlaku liabiliti, kecelakaan, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) disebabkan oleh penyertaan mereka dalam Kempen, penebusan dan/atau penggunaan Hadiah Kempen dan bersetuju untuk melepaskan dan membebaskan pihak Bank daripada sebarang liabiliti.
22. Gambar Hadiah Kempen seperti yang ditunjukkan dalam Laman Sesawang HLISB atau mana-mana bahan promosi rasmi bagi Kempen ini hanyalah untuk tujuan ilustrasi sahaja.

GENERAL

23. Dengan menyertai Kempen ini, Pelabur:
- mengesahkan telah membaca, memahami, menerima dan bersetuju untuk mematuhi T&S di dalam ini serta Terma dan Syarat Dikenakan;
 - bersetuju bahawa keputusan Bank atas segala hal berkaitan dengan Kempen adalah tepat, muktamad, konklusif dan mengikat ke atas seluruh pelabur;
 - bersetuju mengakses laman sesawang HLISB di www.hlisb.com.my/TIA-i dari semasa ke semasa untuk T&S Kempen dan memastikan sentiasa mengikuti sebarang perubahan atau pindaan kepada T&S;
 - bersetuju bahawa Hadiah Kempen tidak boleh ditukar dengan wang tunai, kredit, cek atau manfaat barangan; dan
 - bersetuju dipertanggungjawabkan dan akan menanggung sendiri segala cukai berkenaan, fi kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka menurut undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan mereka dalam Kempen.
24. HLISB berhak untuk:
- menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda T&S di dalam ini, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, atau untuk menamatkan Kempen, dengan cara menyiarkan penambahan, pengguguran, penggantungan atau pemindaan T&S atau penamatan Kempen ini dalam laman sesawang Bank setelah terlebih dahulu memberi notis kepada Pelabur;
 - melucutkan kelayakan mana-mana Pelabur yang:
 - pada masa lalu pernah telah atau pada masa ini disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh Bank;
 - sedang menghadapi prosiding kemuflihan, atau telah diisytiharkan muflihs sama ada sebelum, semasa atau selepas Tempoh Kempen; dan/atau
 - telah melanggar mana-mana T&S di dalam ini dan/atau Terma dan Syarat Dikenakan pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas Tempoh Kempen; dan
 - membatalkan kemenangan dan menarik balik Hadiah Kempen jika dapat dikesan berlakunya penipuan, atau ketidakpatuhan mana-mana T&S Kempen ini.
25. Selain T&S yang disyaratkan di dalam ini, Pelabur bersetuju bahawa Terma dan Syarat Dikenakan hendaklah dibaca bersama-sama dengan T&S ini sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Jika terdapat apa-apa percanggahan, maka T&S di dalam ini hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut
26. Jika terdapat sebarang percanggahan antara T&S yang disyaratkan di dalam ini dengan mana-mana bahan pengiklanan promosi, publisiti dan bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Kempen ini, maka T&S dalam laman sesawang Bank hendaklah diutamakan.
27. T&S adalah tertakluk pada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pelabur bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah-mahkamah Malaysia.
28. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak dan begitu juga sebaliknya.

Jika anda mempunyai apa-apa kemusykilan mengenai T&S, sila hantar emel kepada kami di hlonline@hlbb.hongleong.com.my

Ahli PIDM. TIA-i tidak dilindungi oleh PIDM. Wang yang dikeluarkan daripada deposit berinsurans anda tidak lagi dilindungi oleh PIDM jika dipindahkan ke akaun bukan deposit, sebagai contoh, Amanah Saham, Bon, Pelaburan Dwimata Wang (DCI), Instrumen Deposit Boleh Niaga Kadar Terapung (FRNID), Pelaburan Berstruktur, ASNB, Akaun Pelaburan-i dan lain-lain lagi.

TIA-i tertakluk pada risiko pelaburan, termasuk kemungkinan kerugian amaun pokok yang dilaburkan. Prestasi masa lalu tidak menjadi petunjuk keputusan masa depan,

harga/wang yang dilaburkan adalah tertakluk kepada risiko pasaran yang mungkin menyebabkan nilainya naik atau turun.